

BAB KETIGA

BAB KETIGA

PERUNTUKAN UNTUK ISTERI TERANIAYA DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM KELANTAN 1983.

Pendahuluan

Negeri Kelantan mempunyai sejarah perkembangan undang-undang Islamnya yang tersendiri. Secara umum, undang-undang Islam mula dipakai di Kelantan kira-kira 300 tahun yang lampau iaitu pada tahun 1060 M¹. Undang-Undang Islam mula mencapai kemuncak kegemilangannya di Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad ke III yang memerintah dari tahun 1890-1891M di mana undang-undang hudud diperaktikkan. Contohnya pencuri, jika sabit kesalahan akan dipotong tangan².

Begitulah seterusnya undang-undang Islam diamalkan dan berjalan dengan baik sehingga penjajah datang dan mula campurtangan pada awal abad ke 19³.

Sejarah awal perkembangan undang-undang syariah termasuk undang-undang nikah cerai dan bidangkuasa mahkamah syariah bermula pada tahun 1909M apabila

¹ Y.A.A. Daud bin Haji Muhammad, "Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah dan Perkembangan Undang-Undangnya Di Negeri Kelantan" dalam *Al-Wasilah* Bil. 2 Jun 1999, h. 39.

² ibid.

³ ibid.

undang-undang mahkamah syariah nombor 5 tahun 1909 berkuatkuasa. Undang-undang ini hanya dinamakan sebagai peraturan⁴.

Kemudian undang-undang nombor 5 tadi digantikan dengan undang-undang nombor 18 tahun 1916 yang digubal khusus berhubung dengan nikah cerai. Seterusnya dalam tahun 1938 tiga bentuk undang-undang pula diperkenalkan iaitu undang-undang nombor 21 berkenaan kesalahan melanggar agama Muhammadiyah, undang-undang nombor 22 berkenaan nikah cerai orang-orang Islam dan undang-undang nombor 31 berkenaan nafkah⁵.

Selepas merdeka, undang-undang nombor 1 tahun 1953 tadi dijadikan dua iaitu Undang-Undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Nombor 1 Tahun 1966 dan Undang-Undang Majlis Ugama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan nombor 2 tahun 1966⁶.

Kemudian pada tahun 1977, setelah 20 tahun undang-undang mahkamah syariah dan hal ehwal perkahwinan nombor 1 tahun 1966 dipakai, satu perubahan besar telah dilakukan bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangannya terutama dalam perkara-perkara berkaitan perkahwinan, perceraian dan seumpamanya.

Untuk tujuan itu, kerajaan negeri telah membentuk satu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Pindaan Undang-Undang 1/66 yang terdiri

⁴ ibid.

⁵ ibid., m.s.38.

⁶ ibid.

daripada 12 orang tokoh dalam negeri⁷ dan dua orang tokoh akademik berpengalaman sebagai jemputan⁸.

Hasil mesyuarat Jawatankuasa Khas Pindaan 1/66 ini telah bersetuju untuk memecahkan undang-undang 1/66 yang terlalu umum kepada beberapa enakmen.

Akhirnya enam enakmen baru telah digubal⁹ yang mana salah satunya ialah Enakmen Keluarga Islam. Bermula dari sinilah iaitu pada tarikh 14 April 1983 Enakmen enakmen yang dinamakan sebagai Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan nombor 1 tahun 1983 mula digunakan di mahkamah-mahkamah syariah negeri Kelantan sehingga hari ini¹⁰.

⁷ 12 orang tokoh berkenaan ialah:

- 1.Yang Berhormat Wan Ismail bin Wan Ibrahim(Timbalan Menteri Besar Kelantan sebagai Pengurus)
- 2.Yang Berhormat Mohd. Nor bin Yusuf (Timbalan Pengurus)
- 3.Yang Berhormat Haji Abdullah bin Ahmad (Timbalan Pengurus)
- 4.Yang Berhormat penasihat undang-undang Negeri Kelantan.
- 5.Al-Fadhil Tuan Kadhi Besar Kelantan Haji Yusuf bin Haji Muhammad Othman.
6. Al-Fadhil Tuan Timbalan Kadhi Besar Kelantan Haji Mustafa bin Haji Idris
- 7.Sahib al-Samahah Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan Dato' Haji Ismail bin Haji Yusuf
- 8.Yang Berusaha Haji Abdul Fatah bin Haji Idris Ketua Penyelia Ugama Negeri Kelantan
- 9.Yang Berusaha Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Pendakwa Jenayah Kelantan
- 10.Al-Fadhil Kadhi Jajahan Tumpat Tuan Haji Muhammad bin Abdul Rahman
- 11.Yang Berusaha Haji Wan Hashim bin Haji Wan Ahmad
12. Al-Fadhil Kadhi Khas Kota Bharu Tuan Haji Daud bin Muhammad .

⁸ Tan Sri Profesor Ahmad bin Ibrahim dan Profesor Madya Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid

⁹ Enam enakmen tersebut ialah:

- 1.Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan nombor 3 tahun 1982.
- 2.Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan nombor 1 tahun 1983.
- 3.Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan nombor 9 tahun 1983.
- 4.Enakmen Acara Sivil Syariah Negeri Kelantan nombor 5 tahun 1984.
- 5.Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan nombor 2 tahun 1985.
6. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan nombor 2 tahun 1991.

¹⁰ Y.A.A. Dato' Daud bin Haji Muhammad, Prosedur Jenayah Mahkamah Syariah" dalam *Al-Wasilah*, Bil. 3 Januari 2001, h.35.

Di bawah Enakmen Keluarga Islam Kelantan (EKIK) 1983 ini, terdapat beberapa peruntukan yang mampu memberi penyelesaian kepada masalah penganiayaan terhadap isteri. Peruntukan-peruntukan itu menyebut tentang isu keganasan rumahtangga sebagai alasan kepada pembubaran perkahwinan. Undang-Undang bertindak sebagai penyelesaian kepada masalah rumahtangga di mana isteri teraniaya boleh menuntut di mahkamah untuk berpisah daripada suami atas alas an berlaku penganiayaan. Antaranya peruntukan berkaitan ialah sek.35 berkenaan perceraian dengan talak atau perintah atau syiqaq, sek.37 berkenaan perceraian taklik, sek.38 berkenaan membubarkan perkahwinan secara fasakh dan sek.108 berkenaan hukuman bagi perbuatan menganiayai isteri.

3.1 Perceraian Menerusi Tebus Talak (Sek.35 EKIK 1983)

Sek.35 EKIK 1983 ialah berkaitan perceraian dengan talak atau perintah atau syiqaq.

Sek. 35 (1) adalah seperti berikut;

Seseorang suami atau isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan satu permohonan untuk perceraian kepada mahkamah dalam borang 5(a) daripada Jadual Kelima yang mengandungi:

- a. *Butir-butir mengenai perkahwinan antara pihak-pihak itu dan nama, umur dan jantina anak-anak, jika ada daripada perkahwinan itu;*
- b. *Butir-butir mengenai fakta-fakta memberi bidangkuasa kepada mahkamah;*
- c. *Butir-butir mengenai sesuatu pembicaraan yang dahulu mengenai hal ehwal suami isteri antara pihak-pihak itu;*
- d. *Suatu pernyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai;*

- e. .Suatu pernyataan tentang langkah-langkah perdamaian jika ada;
- f. Syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah bagi isteri dan anak-anak jika ada dari perkahwinan itu, cadangan bagi pemeliharaan dan penjagaan anak-anak, jika ada, dari perkahwinan itu, dan kediaman, pembahagian apa-apa asset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak itu,jika ada,atau jika tiada sesuatu persetujuan tersebut telah tercapai, cadangan permohon mengenai hal-hal ini; dan
- g. butir-butir mengenai perintah yang diminta

Contohnya dalam kes *Rozilawati Yaacob Iwn Nazri Mat Seman*¹¹, YM membuat permohonan asal untuk bercerai di bawah seksyen 35(1) Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, tetapi telah diselesaikan menerusi khulu'.

YM membuat permohonan cerai dengan mengemukakan sebab-sebab ingin bercerai ialah kerana YKT selalu menyakiti YM. YM mendakwa YKT telah menyakitnya. Dalam keterangannya YM memberitahu pada malam 1/7/90 YKT telah mencekik YM mengakibatkan YM sakit leher dan tidak boleh berpaling.YKT juga telah menggigit YM menyebabkan YM merasa amat sakit. Selain daripada itu, YKT sering mengeluarkan kata-kata yang menjatuhkan maruah YM dan sering marah-marah hingga YM merasa susah hati.YKT juga mengabaikan tanggungjawabnya sebagai suami dengan tidak memberi nafkah yang mencukupi. Seterusnya YM mendakwa kehidupan mereka sebagai suami isteri sudah tidak bahagia lagi dan memohon untuk bercerai.

¹¹ Kes Mal No. 238/90.

Setelah perbicaraan dijalankan pada 15/8/90 dengan kehadiran kedua-dua YM dan YKT, Y.A. Hakim Syarie memutuskan bahawa beliau mendapati memang wujud syiqaq antara YM dan YKT sebagaimana yang didakwa. Tetapi, YKT tidak setuju untuk bercerai. Oleh itu, Y.A. Hakim Syarie mencadangkan perceraian secara tebus talak sebanyak RM1 500.00. Setelah YKT bersetuju dengan cadangan tersebut, maka mahkamah membenarkan cerai tebus talak dengan bayaran sebanyak RM1 500.00 daripada YM kepada YKT.

3.2 Menganiayai Isteri (Seksyen 108 EKIK 1983)

Di dalam EKIK 1983, peruntukan secara langsung tentang menganiayai isteri terdapat di dalam seksyen 108 yang menyebutkan:

“seseorang suami yang dengan sengaja menganiayai isterinya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedu-duanya sekali”.

Kesalahan di atas dikategorikan sebagai kesalahan matrimonial dan bersifat jenayah. Di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, penguatkuasaan sek. 108 (menganiayai isteri) diletakkan dibawah Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah. Unit ini berfungsi menerima laporan, mengendalikan penyiasatan dan seterusnya membuat pendakwaan.

Menurut Ketua Pendakwa Syarie, sejak awal 1990an, walaupun ada kes yang dilaporkan tentang menganiayai isteri, tetapi tidak ada yang selesai hingga ke

mahkamah dan dijatuhi hukuman. Hanya yang ada, laporan yang dibuat ke Unit ini dan biasanya ia tidak selesai di sini, kerana sama ada suami tidak hadir untuk memberi keterangan dan kes digantung, isteri bertindak memfailkan tuntutan cerai taklik atau menarik balik laporan kerana pujanan suami dan keluarga¹².

JADUAL 1: PERATUS KES-KES YANG DILAPORKAN BERKENAAN MENGANIAYAI ISTERI (Sek.108) BERBANDING KES JENAYAH LAIN DI UNIT PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DARI TAHUN 1996 HINGGA 1999.

TAHUN	BIL. KES	PERATUS KES	BIL KES	PERATUS LAIN-LAIN KES
1996	2	0.3%	638	99.7%
1997	7	1.1%	624	98.9%
1998	2	0.3%	730	99.7%
1999	0	0 %	678	100.0%

Sumber: Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Jadual 1 dibuat berdasarkan buku rekod kes-kes jenayah yang dilaporkan ke Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah. Adalah didapati, laporan kes menganiayai isteri juga jauh lebih rendah berbanding kes-kes jenayah lain yang dilaporkan di unit ini. Pada tahun 1996 hanya sebanyak 2 kes sahaja dilaporkan

¹² Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah Cutty, Ketua Pendakwa Syarie, pada jam 9.00 pagi 31 Mei 2001.

berbanding 640 kes atau 0.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di unit ini.

Pada tahun 1997 meningkat sedikit kepada 7 kes daripada jumlah keseluruhan 631 kes atau sebanyak 1.1 peratus. Kemudian menurun semula kepada 2 kes berbanding 732 kes keseluruhan atau sebanyak 0.3 peratus dan tiada langsung kes pada 1999.

Dari segi prosedur (lihat Carta 1 di halaman sebelah), pertama sekali isteri datang ke unit ini untuk membuat laporan dan unit ini akan mencatatkan laporan¹³ yang perlu disertakan dengan dokumen-dokumen iaitu sijil nikah, kad pengenalan, laporan polis dan laporan hospital (lihat lampiran 1-contoh maklumat kepada penyelia). Kemudian tindakan susulan akan dibuat oleh pendakwa syarie dimana siasatan akan dijalankan.

Biasanya dalam proses siasatan ini pihak suami akan dihubungi supaya hadir untuk diambil keterangan. Setelah itu barulah pihak pendakwa syarie akan membuat keputusan sama ada wujud kes dan tindakan pendakwaan akan dibuat di mahkamah di bawah sek. 108 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983. Jika sabit kesalahan, suami boleh didenda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

¹³ Menggunakan borang khas iaitu borang 3A Enakmen Acara Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1983, Sek. 53(2) bertajuk maklumat kepada penyelia.

Walau bagaimanapun, menurut Ketua Pendakwa Syarie, pendakwaan dibawah sek. 108 tidak pernah ada sejak awal 90an lagi. Kes-kes pendakwaan yang ada sebelum itu juga terlalu sedikit (jarang dibuat) dan sebahagian besar daripadanya pula tidak selesai kerana ditarik balik oleh isteri¹⁴.

Di Unit ini, isteri-isteri yang datang membuat aduan dianiayai oleh suami biasanya ditanya apa matlamat yang dikehendaki. Jika isteri masih ingin perkahwinan diselamatkan, mereka akan dinasihatkan supaya ke Unit Kaunseling dan jika sudah tidak mahu hidup bersama dan ingin perkahwinan dibubarkan mereka dinasihatkan supaya memfailkan tuntutan cerai taklik.

**CARTA 1: CARTA ALIRAN PROSEDUR KES PENGANIAYAAN ISTERI DI
UNIT PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG SYARIAH, JABATAN HAL
EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN.**

1.Isteri membuat aduan membawa bersama dokumen berikut:

- a.Sijil Nikah
- b.Kad Pengenalan
- c.Laporan Polis
- d.Laporan Hospital
- e.Saksi, jika ada.



¹⁴ Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah Cutty, Ketua Pendakwa Syarie, pada jam 9.00 pagi 31 Mei 2001.

2.Pegawai di Unit Penguatkuasaan mengambil laporan



3.Tindakan oleh pendakwa syarie/siasatan dijalankan



4.Suami dihubungi supaya hadir memberi keterangan



5.Pendakwa syarie membuat keputusan pendakwaan perlu atau tidak.



6.Jika perlu, kes dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan.

Para isteri turut diingatkan bahawa pendakwaan dibawah sek. 108 adalah untuk menghukum suami sahaja, tidak ada implikasi lain. Perkahwinan masih diteruskan dan mereka akan terus hidup bersama orang yang menganiaya mereka¹⁵.

Oleh sebab itu, ramai yang mengambil keputusan memfailkan tuntutan cerai taklik memandangkan matlamat yang mereka inginkan ialah perceraian, kerana tidak mahu lagi hidup bersama, bukan menghukum suami.

¹⁵ Temubual dengan Puan Arnizam binti Abdullah, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, pada jam 10.00 pagi 30 Mei 2001.

3.3 Fasakh (Sek.38 EKIK 1983)

Fasakh adalah satu bentuk pembubaran perkahwinan melalui perintah mahkamah. Ia dibenarkan oleh syarak bertujuan memelihara hak-hak wanita dan menolak kemungkinan mudarat dan bahaya terhadap mereka. Perkara ini merupakan asas kepada wujudnya peruntukan fasakh dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kelantan turut mempunyai peruntukan fasakh yang terdapat dalam sek 38 EKIK 1983.

Sek. 38 adalah seperti berikut:

Seorang perempuan yang berkahwin menurut hukum syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu;

- a) *Bahawa suami telah mati pucuk dan masih lagi demikian keadaannya dalam masa setahun setelah dibuat pengaduan;*
- b) *bahawa suami telah gila atau sedang mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang mengidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit selama tidak ada kenyataan yang terang menunjukkan relanya dengan penyakit tersebut;*
- c) *bahawa isteri, setelah dikahwinkan oleh bapa atau datuknya sebelum ia cukup umur mengikut hukum syarak, menolak perkahwinan itu setelah mencapai umur lapan belas tahun;*
- d) *bahawa izin istei terhadap perkahwinan itu telah diberi secara tidak sah sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal ataupun lain-lain sebab syar'ie*
- e) *bahawa pada masa perkahwinan itu isteri adalah seorang yang sakit otak(sama ada berterusan atau berselangan) dalam erti Ordinan Sakit Otak 1952 dari jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin;*
- f) *atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi fasakh menurut hukum syarak.*

Berdasarkan peruntukan ini, penganiayaan tidak disebutkan secara langsung sebagai antara perkara yang membolehkan seseorang isteri menuntut fasakh. Walau bagaimanapun, ia boleh dianggap wujud secara tidak langsung di dalam ceraian (f) yang secara umum menyebutkan apa-apa alasan yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau fasakh menurut hukum syarak. Oleh sebab itulah pihak mahkamah lebih cenderung untuk menasihatkan pihak YM untuk tidak menggunakan peruntukan ini bagi mendapatkan pembubaran perkahwinan kerana penganiayaan¹⁶.

Peruntukan fasakh negeri Kelantan ini berlainan dengan negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Pualu Pinang yang (antara lain sebagai alasan fasakh) menyebutkan dengan jelas tentang penganiayaan sebagai alasan untuk memohon fasakh.

Peruntukan tersebut adalah seperti berikut (sebagai contoh sek.52 (1) (h) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan 1984):

h) bahawa suami menganiayainya, iaitu, antara lain –

- i. lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita oleh sebab kelakuan aniaya; atau*
- ii. berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syara'; atau*
- iii. cuba memaksa isteri hidup secara lucah; atau*
- iv. melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu daripada menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu; atau*

¹⁶ Temubul dengan Yang Arif Haji Wan Yahya bin Wan Mamat, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada jam 12.00 tengahari 29 Mei 2001.

- v. menghalang isteri daripada menunai atau menjalankan amalan agamanya; atau
- vi. jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syara'.

Secara langsungnya, sek.38 ini boleh dianggap tidak digunakan bagi kes-kes menganiaya isteri di Kota Bharu. Fasakh bukan sahaja jarang digunakan untuk kes-kes penganiayaan isteri di Kelantan, malah di negeri lain juga¹⁷. Alasan yang hampir sama diberikan iaitu prosedur untuk pensabitan fasakh lebih rumit kerana soal pembuktian yang ketat, memakan masa yang lama dan memerlukan tenaga dan wang yang banyak.

3.4 Cerai Taklik (Sek.37 EKIK 1983)

Di dalam EKIK 1983 sek. 37 menyebutkan:

- 1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat taklik yang dibuat apabila berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.
- 2) Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuashati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut hukum syarak hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan kemudian mendaftarkannya.

¹⁷ Zaleha Kamaruddin (1998), "Hak Wanita Di Dalam Undang-Undang Keluarga: Antara Reformasi dan Realiti" dalam Ahmad Ibrahim et.al., *Al-Ahkam*, j.6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 116-117.

Peruntukan ini menunjukkan seorang isteri berhak menuntut mahkamah mengesahkan perceraian jika berlaku perkara-perkara seperti yang terdapat di dalam syarat-syarat taklik ketika perkahwinan.

Terdapat beberapa bentuk tuntutan perceraian taklik sebagaimana yang terdapat dalam lafaz taklik perkahwinan di Negeri Kelantan. Lafaz taklik di Negeri Kelantan ialah:

"Bahawa adalah saya _____ dengan ini bertaklik iaitu manakala saya tinggalkan isteri saya selama empat bulan atau lebih dengan sengaja atau paksa atau saya atau wakil saya tiada memberi nafkah yang wajib kepadanya selama masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya menyakiti tubuh badannya atau saya tidak mempedulikannya selama empat bulan atau lebih atau Kemudian ia mengadu kepada kadi/hakim syarie dan manakala sabit aduannya dan ia memberi kepada kadi/hakim syarie bagi pihak saya sebanyak RM1.00 maka pada ketika itu tertalaklah ia dengan satu talak khul'ie."

Bentuk-bentuk tuntutan pengesahan cerai taklik yang dicatatkan dalam rekod daftar kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu ialah:

1.Taklik tinggal

iaitu keadaan di mana suami meninggalkan isteri, tetapi masih mengirimkan nafkah, bertanya khabar melalui wakil atau telefon. Suami tidak pulang ke rumah untuk tempoh empat bulan atau lebih tetapi tempat di mana dia berada diketahui¹⁸.

2.Taklik tidak peduli

¹⁸ ibid.

merangkumi skop yang lebih luas iaitu di mana suami meninggalkan isteri, tidak memberi nafkah, tidak menghantar berita atau bertanya khabar untuk tempoh empat bulan atau lebih sedangkan isteri tahu dimana dia berada¹⁹.

3.Taklik lisan atau taklik persendirian

iaitu keadaan di mana suami melafazkan taklik selain daripada yang tercatat dalam sighah taklik semasa perkahwinan, contohnya suami berkata kepada isterinya:"Kalau kau datang cari aku di tempat kerja, jatuh talak". Maka, jika isteri melakukan perbuatan yang disebutkan itu, jatuhlah talak. Untuk kes ini, biasanya pasangan datang ke mahkamah untuk mengesahkan perceraian mereka²⁰.

4.Taklik tidak memberi nafkah

keadaan ini khusus kepada kes di mana suami tidak memberi nafkah sahaja untuk tempoh empat bulan atau lebih²¹.

5.Taklik suami ghaib

iaitu keadaan di mana suami hilang dan tidak diketahui berada di mana serta tiada berita daripadanya selama tempoh empat bulan atau lebih²².

6.Taklik menyakiti tubuh badan/pukul

¹⁹ ibid.

²⁰ ibid.

²¹ ibid.

²² ibid.

iaitu keadaan di mana suami menyakiti tubuh badan isteri secara fizikal seperti pukul, sepak dan tarik rambut²³ atau dengan perkataan lain, menganiaya isteri.

7. Taklik tidak bersekedudukan

Berlainan dengan taklik tinggal, taklik ini ialah keadaan dimana suami masih tinggal serumah dengan isteri tetapi tidur berasingan²⁴.

Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, taklik kerana menyakiti tubuh badan juga dikenali sebagai taklik pukul atau memudaratkan tubuh badan. Kes-kes taklik diletakkan dalam kategorinya sendiri dalam rekod mahkamah, bukan dibawah kategori mal. Contohnya rujukan pada fail kes ini ditulis (T)128/96 bermaksud kes taklik bilangan 128 tahun 1996. Ini kerana jumlah tuntutan mengesahkan perceraian secara taklik adalah banyak²⁵.

Secara keseluruhan, kes taklik adalah banyak tetapi kes taklik kerana menyakiti tubuh badan isteri tidak begitu popular kerana jumlah kesnya tidak begitu banyak berbanding kes-kes tuntutan cerai taklik lain seperti taklik tinggal, taklik tidak peduli dan taklik lisan.

Biasanya kes menganiaya isteri disertai dengan tidak memberi nafkah atau tidak mempedulikan isteri. Oleh itu ramai yang membuat dakwaan menggunakan

²³ ibid.

²⁴ ibid.

²⁵ Temubual dengan Cik Masriza binti Kadir, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu.

jenis taklik lain kerana kekurangan bukti atau tiada saksi, walaupun dalam masa yang sama isteri berkenaan dianaya secara fizikal.

Berdasarkan statistik daftar kes cerai taklik keseluruhan dari Ogos tahun 1996 hingga Mei 2001 dalam Jadual 2 dan 3, jumlah kes taklik memudaratkan tubuh badan isteri hanya 83(10.4%). Daripada Jadual 2 dan 3 juga, dapat dilihat jumlah kes taklik tinggal mengambil tempat hampir separuh jumlah kes taklik secara keseluruhan iaitu sebanyak 354 kes atau 44.3%. Taklik tidak peduli pula sebanyak 229 kes atau 28.6% dan taklik lisan sebanyak 95 kes atau 11.9%.


JADUAL 2: STATISTIK BILANGAN KES SEMUA JENIS TUNTUTAN CERAI TAKLIK DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU MENGIKUT JENIS DARI OGOS 1996 HINGGA MEI 2001.

Jenis Tahun	Jenis Tinggal	Tidak Peduli	Lisan	Mudarat	Tak Beri Naikah	Ghaib	Tidak Sekedudukan	Tidak Dinyata	Jumlah
1996	26	16	3	6	2	0	0	0	55
1997	53	50	18	12	2	0	2	4	141
1998	82	51	28	28	2	2	1	6	200
1999	83	41	24	18	6	0	1	1	174
2000	74	42	14	12	1	0	1	4	148
2001	36	29	9	7	0	0	1	1	84
Jumlah	354	229	95	83	13	2	6	18	802

Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu

JADUAL 3: CARTA PERATUS SEMUA JENIS TUNTUTAN CERAI TAKLIK DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU DARI OGOS 1996 HINGGA MEI 2001.

STATISTIK CERAI TAKLIK MENGIKUT PECAHAN DARI TAHUN 1996-2001




Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu

Manakala jumlah keseluruhan kes perceraian taklik kerana menyakiti atau memudaratkan tubuh badan mengikut tahun juga sedikit berbanding kes-kes taklik jenis lain. Tahun 1996 dari bulan ogos mencatatkan 6 kes (7%) berbanding jumlah

keseluruhan 55 kes, tahun 1997 meningkat sedikit, sebanyak 12 kes(18%) daripada 141 kes keseluruhan.

Tahun 1998 mencatatkan jumlah kes paling tinggi dalam tempoh lima tahun iaitu 28 kes (25%) daripada jumlah keseluruhan kes sebanyak 200. Seterusnya tahun 1999 mencatatkan 18 kes(22%) daripada 174 jumlah kes keseluruhan, tahun 2000 menurun lagi kepada 12 kes(18%) daripada 148 dan hingga Mei 2001 terdapat 7 (10%)daripada jumlah keseluruhan 84 kes.

JADUAL 4: KES TUNTUTAN SEMUA JENIS CERAI TAKLIK DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU DARI OGOS 1996 HINGGA MEI 2001.



Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu


Bagi kes-kes tuntutan cerai taklik kerana memudaratkan tubuh badan isteri secara khusus, tahun 1998 mencatatkan paling banyak kes isitu 28 kes daripada 200 jumlah kes taklik. Setiap tahun tidak kurang daripada sepuluh kes yang didaftarkan berkaitan penganiayaan isteri. Tahun 1996 dan 2001 tidak diambil kira kerana data yang diperolehi tidak sampai setahun.

JADUAL 5: BILANGAN KES TUNTUTAN CERAI KERANA MEMUDARATKAN TUBUH BADAN ISTERI DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU MENGIKUT TAHUN DARI BULAN OGOS 1996 HINGGA MEI 2001.

TAHUN	BILANGAN KES
1996	6
1997	12
1998	28
1999	18
2000	12
2001	7
JUMLAH	83

Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu 2001

JADUAL 6: PERATUS KES TUNTUTAN CERAI KERANA MEMUDARATKAN
TUBUH BADAN ISTERI DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU
MENGIKUT TAHUN DARI BULAN OGOS TAHUN 1996 HINGGA MEI
2001.



Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu

Dari segi peratus kes perceraian taklik kerana menganiayai isteri mengikut tahun dari 1996 hingga 2001, peratusan kes adalah hampir sama iaitu antara 18 % hingga 25%. Tahun 1998 mencatatkan peratus kes paling besar iaitu 25%, mengambil tempat $\frac{1}{4}$ jumlah kes keseluruhan dari tahun 1996 hingga 2001. Tahun 1999 peratusnya berkurangan sedikit kepada 22%. Tahun 1997 dan 2000 mencatatkan

peratus kes yang sama banyak iaitu 18%. Tahun 1996 dan 2001 tidak diambil kira kerana data yang diperolehi tidak sampai setahun.

Carta 2 di halaman sebelah menunjukkan secara ringkas aliran prosedur menuntut perceraian kerana menganiaya secara taklik di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Langkah pertama ialah, setelah berlaku kejadian menganiaya, seseorang isteri perlu menyediakan penyata tuntutan sama ada melalui Biro Bantuan Guaman atau firma guaman persendirian yang disertakan bersama laporan polis, dokumen perubatan dan saksi jika ada serta sijil nikah, surat taklik dan surat beranak anak-anak.

Kemudian beliau perlu datang ke pejabat Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu untuk pendaftaran kes dan penetapan tarikh perbicaraan. Mahkamah seterusnya akan menyediakan saman kepada Yang Kena Tuntut supaya hadir semasa perbicaraan²⁶.

Perintah Tegahan akan dikeluarkan jika Yang Menuntut berada dalam keadaan tidak selamat. Jika Yang Kena Tuntut melanggar perintah tegahan, saman akan dikeluarkan melalui Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah untuk diambil tindakan ke atas Yang Kena Tuntut. Setelah perbicaraan dijalankan, mahkamah akan memutuskan pensabitan kes dan membenarkan

²⁶ Temubual dengan Yang Arif Haji Wan Yahya bin Wan Mamat, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu pada jam 12.00 tengahari 29 Mei 2001.

CARTA 2: CARTA ALIRAN PROSEDUR TUNTUTAN CERAI TAKLIK DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU.

1.Isteri perlu menyediakan penyata tuntutan, melalui Biro Bantuan Guaman atau firma guaman persendirian disertakan laporan polis, laporan hospital dan saksi jika ada serta sijil nikah, surat taklik dan surat beranak anak-anak.



2.Membawa penyata tuntutan berkenaan ke pejabat Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu di mana kes akan didaftarkan dan tarikh perbicaraan diberi. Pihak Mahkamah akan menguruskan saman ke atas Yang Kena Tuntut supaya hadir untuk perbicaraan.



3.Perintah Tegahan akan dikeluarkan apabila terdapat permohonan jika Yang Menuntut berada dalam keadaan tidak selamat. Jika Yang Kena Tuntut melanggar perintah tegahan, saman akan dikeluarkan melalui Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah untuk diambil tindakan ke atas Yang Kena Tuntut.



4. Setelah perbicaraan dijalankan, mahkamah akan memutuskan pensabitan kes dan membenarkan perceraian taklik secara taklik/tebus talak (sek.37) atau jika dipersetujui suami dengan lafaz cerai biasa (sek.35) di hadapan Hakim.

perceraian taklik secara lafaz cerai biasa (sek.35) atau taklik/tebus talak (sek.37)²⁷.

Dari segi bentuk keputusan, terdapat beberapa bentuk keputusan perbicaraan kes menganiayai isteri yang boleh dibuat oleh mahkamah, antaranya ialah:

1. Mahkamah meluluskan permohonan untuk bercerai dan memberi kebenaran kepada suami atau wakil melafazkan cerai dengan talak satu/tebus talak di hadapan mahkamah mengikut hukum syarak dan undang-undang-sek.35 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.
2. Mahkamah mensabitkan tuntutan taklik dan tertalaklah Yang Menuntut daripada Yang Kena Tuntut dengan satu talak khul'i/talak taklik mengikut hukum syarak dan undang-undang-sek. 37 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.
3. Mahkamah menerima tuntutan fasakh dan difasakhkan nikah Yang Kena Tuntut dengan Yang Menuntut mengikut hukum syarak dan undang-undang sek.38 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

Walaupun demikian, bagi kes memudaratkan isteri, mahkamah banyak menerima tuntutan menggunakan sek.35 dan sek.37. Secara teorinya, sek. 38(fasakh)

²⁷ ibid.

boleh digunakan untuk mensabitkan perceraian kerana memudaratkan isteri tetapi secara praktikal, terlalu sedikit tuntutan fasakh dibuat.

Keadaan ini memandangkan peruntukan sek. 38 tidak menyebutkan perkataan memudaratkan isteri secara jelas berbanding yang terdapat dalam lafaz taklik. Maka pihak yang ingin membawa kes ini ke mahkamah dan mahukan perceraian mendapati, tuntutan kes menggunakan sek. 37 adalah lebih mudah¹.

Dengan adanya prosedur ini, perjalanan sesebuah kes menjadi lebih teratur dan mudah. Adanya dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran memudahkan dan mempercepatkan sesebuah kes diproses untuk dibicarakan.

3.5 Analisis Kes-Kes Tuntutan Cerai Taklik Kerana Menganiayai Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu.

Penulis telah meneliti 100 fail kes tuntutan cerai taklik kerana memudaratkan tubuh badan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu yang dipilih secara rambang. Fail kes yang dilihat adalah dari tahun 1984 hingga 2001. Pemilihan 100 fail kes bukanlah untuk mewakili atau menggambarkan keseluruhan kes yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu. Ianya dapatlah dianggap sebagai gambaran kes-kes melibatkan penganiayaan isteri di mahkamah berkenaan secara umum.

¹ Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah Cutty, Ketua Pendakwa Syarie, pada jam 9.00 pagi 31 Mei 2001.

Terdapat beberapa perkara yang boleh diberi perhatian daripada 100 fail berkenaan, antaranya:

i. Bentuk perbuatan menyakiti dan bahagian paling kerap dipukul

Daripada penelitian yang dibuat didapati bentuk perbuatan menyakiti yang lazim berlaku ialah yang melibatkan fizikal seperti tampar, cekik, gigit dan sepak. Misalnya terdapat satu kes yang melibatkan perbuatan mengurung isteri di dalam bilik, satu kes ugut untuk mencederakan dan dua kes memalukan di tempat awam.

Paling banyak kejadian pukul adalah di bahagian muka atau kepala yang mengakibatkan kecederaan seperti bengkak dan berdarah. Bagi semua kes, perbuatan menyakiti ini berlaku berulangkali, bukan sekali sahaja atau jarang-jarang. Walau bagaimana pun, sama ada perbuatan menganiaya berlaku berulang kali atau sekali sahaja, ia tidak diberi perhatian utama oleh mahkamah dalam membuat keputusan kerana jika perbuatan menyakiti ini hanya dilakukan sekali sahaja pun, ia sudah memadai untuk dianggap seorang suami menganiaya isteri².

ii. Tempoh perkahwinan dan anak

Daripada kes-kes tuntutan cerai taklik kerana menganiayai isteri di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu ini, dapat diperhatikan juga berapa lama tempoh

² Y.A. Haji Wan Yahya Bin Wan Mamat, Hakim Syarie Kota Bharu pada 9.15 pagi 23 Julai 2001.

perkahwinan hingga tuntutan cerai dibuat. Tempoh perkahwinan paling singkat ialah 4 bulan dan tempoh paling lama ialah 32 tahun. Jumlah paling besar ialah perkahwinan 5 tahun ke bawah iaitu sebanyak 27 kes. Pasangan yang baru berkahwin juga terlibat dengan penganiayaan, sama seperti mereka yang telah lama berkahwin sehingga mencapai 32 tahun. Walaupun bilangan kes penganiayaan isteri paling banyak menunjukkan tempoh perkahwinan 5 tahun ke bawah, tetapi jumlah 27 kes adalah jauh lebih kecil berbanding jumlah keseluruhan (100 kes). Ini menunjukkan tempoh perkahwinan sama ada sekejap atau lama tidak mempunyai pengaruh ke atas penganiayaan isteri.

Berkenaan anak pula, 56 daripada 100 pasangan yang terlibat mempunyai anak. Jumlah anak sekurang-kurangnya seorang dan paling ramai tujuh orang. 23 pasangan yang mana tempoh perkahwinan mereka terlalu singkat, iaitu kurang dari setahun, kebanyakannya tidak mempunyai anak. 21 kes tidak mencatatkan perkara mengenai anak di dalam penyata tuntutan mereka. Fakta ini menunjukkan berlakunya penganiayaan isteri bukan juga disebabkan tekanan kerana pasangan yang berkahwin itu ada atau tiada anak.

iii. Khidmat Guaman

Sebahagian besar kes tuntutan cerai taklik, iaitu 85 daripada 100 kes (85%) mendapatkan khidmat Biro Bantuan Guaman (BBG). BBG hanya mengenakan bayaran sebanyak RM2.00 kepada mereka yang pendapatan bersih tahunannya

berjumlah RM3 000.00 ke bawah. Manakala bagi mereka yang berpendapatan bersih RM3 000.00 keatas, bayaran sebanyak RM300.00 dikenakan³.

Dengan ini boleh disimpulkan bahawa kebanyakan wanita yang terlibat dengan penganiayaan datang dari golongan kelas rendah yang biasanya juga tidak mempunyai pendidikan tinggi. Selebihnya 15 kes(15%) menggunakan khidmat peguam daripada firma guaman persendirian.

iv. Pembuktian untuk pensabitan kes oleh mahkamah

Pembuktian diambil sama ada dari *syahadah*⁴, *iqrar*⁵, *qasam*⁶ atau *yamin*⁷. Daripada kes-kes yang disabitkan, terdapat dua cara Y.A. Hakim Syarie mengambil bukti untuk mensabitkan sesuatu kes permohonan cerai taklik. Pertama, jika YM mengemukakan 2 orang saksi lelaki dan YM melafazkan sumpah istizhar dan kedua, jika YKT membuat pengakuan ada menyakiti YM dan YM melafazkan sumpah istizhar maka mahkamah akan mensabitkan berlaku taklik.⁸

³ Puan Zaharah dari Biro Bantuan Guaman Cawangan Kota Bharu pada jam 10.30 pagi 23 Julai 2001.

⁴ *Syahadah* maksudnya perkhabaran benar dalam majlis penghakiman menggunakan lafaz saksi bagi tujuan mensabitkan hak ke atas orang lain. ('Abd al-Karim Zaidan (1988), *Nizam al-Qada' fi al-Syariah al-Islamiyyah*, c.3. Beirut:Mu'assasah al-Risalah, h. 141)

⁵ *Iqrar* bererti pengakuan. Dari sagi istilah maksudnya pemberitahuan tentang sabit hak bagi orang lain ke atas orang yang berikrar walaupun untuk perkara-perkara akan datang. (ibid. h. 135).

⁶ *Qasam* bermaksud sumpah yang disebut dalam pendakwaan dengan syarat-syarat tertentu. (ibid. h.189)

⁷ *Yamin* bermaksud yamin syar'ie yang dikemukakan oleh orang yang mendakwa ke atas orang yang didakwa dan ianya sumpah dengan nama Allah. (ibid. h. 169)

⁸ Y.A. Haji Wan Yahya Bin Wan Mamat, Hakim Syarie Kota Bharu pada 9.15 pagi 23 Julai 2001.

Dalam kes *Shakiah binti Mohd. Daud Iwn Tuan Mustapha bin Tuan Man*⁹

YM mengemukakan dua orang saksi dan setuju melafazkan sumpah istizhar. Mereka berkahwin pada 7/10/1993 dan masih belum mempunyai anak. YM mendakwa YKT selalu memukulnya sepanjang perkahwinan mereka.

Kali terakhir pada 31/5/94 apabila YKT telah menyerang YM ditempat kerja dan memukul YM menggunakan topi keledar di kepala dan muka sambil menuduh YM mempunyai hubungan dengan kawan sekerja lelaki. Akibat kejadian itu, YM terpaksa mendapatkan rawatan kecemasan di Hospital Kota Bharu dan telah membuat laporan polis.

YM juga telah mengemukakan dua orang saksi lelaki iaitu rakan sekerja YM di Damai Services, Kota Bharu. Kemudian YM juga telah bersumpah dengan sumpah istizhar. Mahkamah memutuskan sabit berlaku perbuatan menganiaya isteri. Setelah YM membayar kepada Hakim Syarie sebanyak RM1.00 bagi pihak suaminya maka jatuh satu talak khuluk dan sijil cerai dikeluarkan.

Dalam kes *Sawiyah binti Che Kob Iwn Ab. Aziz bin Yaacob*¹⁰ pula, YKT mengaku memukul isteri dan kemudiannya Hakim Syarie mengarahkan YM bersumpah dengan sumpah istizhar. Setelah itu mahkamah mensabitkan telah berlaku perbuatan yang ditaklikkan.

⁹ Kes Taklik No. 70/94.

¹⁰ Kes Taklik No. 97/89.

Menurut fakta didalam penyata tuntutan, pada 2/11/89 YKT telah menampar YM dengan tangan di bahagian muka dan memukul badan dengan rotan mengakibatkan lebam dan kesakitan. YM kemudiannya mendapatkan rawatan perubatan pada 3/11/89.

YKT semasa sesi soaljawab telah mengaku menampar YM sebagaimana yang didakwa. Dalam keputusannya mahkamah menerima tuntutan YM dan mensabitkan YKT telah menampar dan memukul YM. Mahkamah juga mensabitkan jatuh satu talak khul'ie setelah isteri memberikan kepada Hakim RM 1 dan sijil cerai dikeluarkan.

Menurut Y.A. Haji Wan Yahya Bin Wan Mamat lagi jika terdapat sebarang keraguan kes akan ditolak seperti didalam satu kes di mana yang menyaksikan kejadian YM dipukul hanya anaknya yang berusia 7 tahun. Walaupun terdapat laporan hospital, kes tidak dapat disabitkan kerana keterangan kanak-kanak dan laporan hospital hanya sebagai qarinah. Ini kerana kesan lebam boleh terjadi akibat bermacam-macam perkara seperti jatuh dan sebagainya¹¹.

Manakala dalam kes melibatkan pengakuan, mahkamah tetap boleh mensabitkan walaupun diberi alasan tidak sengaja seperti didalam satu kes di mana seorang suami bergurau dengan isterinya dan mencubit hingga lebam(menyebabkan kesakitan). YKT bila ditanya oleh mahkamah mengaku mencubit isterinya tetapi

¹¹ Y.A. Haji Wan Yahya Bin Wan Mamat, Hakim Syarie Kota Bharu pada 9.15 pagi 23 Julai 2001.

hanya dengan niat bergurau dan tidak bertujuan menyakiti. Walaupun demikian mahkamah telah mengambil kira perbuatannya telah melakukan taklik. Isteri diminta bersumpah dan jatuh satu talak setelah dia membayar RM1.00 kepada Hakim Syarie.

Selain saksi, biasanya pihak YM akan mengemukakan beberapa dokumen sebagai bukti, contohnya laporan polis, laporan perubatan, gambar dan saksi daripada ibu atau kanak-kanak. Namun semua ini termasuk dalam kategori *qarinah*¹² dan tidak boleh disandarkan semata-mata kepadanya untuk mensabitkan sesuatu kes. Pembuktian yang kuat untuk sesuatu kes disabitkan ialah dengan pengakuan YKT atau saksi¹³.

Terdapat sesetengah kes di mana suami tidak hadir walaupun setelah saman dikeluarkan. Namun demikian perbicaraan tetap dijalankan secara *ex-parte*. Setelah mengemukakan bukti dan saksi, YM akan diminta bersumpah dengan Sumpah Istizhar menyatakan bahawa dia dipukul. Kemudian barulah mahkamah mensabitkan berlaku taklik sebagaimana lafaz semasa akad nikah dan jika YM membarikan kepada Hakim RM1.00 bagi pihak suaminya, jatuhlah satu talak khulu'.

¹² *Qarinah* bermaksud alamat atau tanda yang menunjukkan wujud atau tidak wujudnya sesuatu. Contohnya jika barang curi dijumpai di rumah seseorang, maka ia menunjukkan sama ada orang tersebut adalah pencuri atau pencuri telah memberikan barang tersebut kepadanya atau beliau telah membeli barang curi .('Abd al-Karim Zaidan (1998), op.cit., h. 185)

¹³ Y.A. Haji Wan Yahya Bin Wan Mamat, Hakim Syarie Kota Bharu pada 9.15 pagi 23 Julai 2001.

Contohnya seperti keputusan yang telah dibuat terhadap kes *Hasnah binti Borhan al-Din*¹⁴ dimana mahkamah mengeluarkan keputusan dan menjatuhkan hukuman tanpa kehadiran suami.

v. Perintah Tegahan

Daripada 100 kes hanya terdapat dua kes dimana permohonan untuk mendapatkan perintah tegahan dikemukakan kepada Hakim Syarie dan kedua-duanya dibenarkan oleh mahkamah.

Contohnya dalam kes *Azizon binti Abdullah binti Suhaimi bin Mohd. Noor*¹⁵ Hakim telah membenarkan perintah tegahan dikeluarkan setelah peguam YM membuat permohonan kerana YM bimbangkan keselamatannya kerana sering diancam oleh YKT. Perintah tegahan dibuat dibawah sek. 114 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

vi. Keputusan Mahkamah

Daripada 100 kes yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu melibatkan tuntutan di bawah sek. 37(1) dan (2) cerai taklik kerana memudaratkan tubuh badan seperti yang terdapat dalam sifah taklik perkahwinan, hanya 27 kes

¹⁴ (1987) 6 JH 118.

¹⁵ Kes Taklik No.190/98.

disabitkan berlaku perbuatan menganiaya dan isteri dibenarkan membayar RM 1 kepada Hakim bagi pihak suaminya dan jatuh satu talak khuluk.

Contohnya dalam kes *Laily binti Mohd. Ludin lwn Md Yusof bin Abdul Kadir*¹⁶. Mereka berkahwin pada tahun 1992 dan mempunyai seorang anak. YM mendakwa YKT sentiasa melayannya dengan kasar dan kali terakhir menumbuk muka YM menyebabkan bibir YM pecah dan berdarah. Berikutan kejadian itu YM telah mendapatkan rawatan perubatan di Klinik Saleha, Kota Bharu.

YM juga mengemukakan dua orang saksi lelaki, Mohd. Amin Mohd Ludin (abang YM) dan Mat Salleh @ Ab. Ghani Ismail (tiada pertalian). Kedua-dua saksi mengaku melihat dengan jelas YM dipukul.

Mahkamah memutuskan sabit berlaku perbuatan memukul oleh YKT dan jika YM membayar kepada Hakim RM 1, mahkamah mensabitkan perceraian satu talak khulu'. YM kemudiannya telah membayar kepada mahkamah RM 1 dan Hakim mengarahkan surat cerai dikeluarkan.

Begitu juga dalam kes *Sawiyah binti Che Kob lwn Ab. Aziz bin Yaacob*¹⁷. Mereka berkahwin pada tahun 1987 dan tidak mempunyai anak. Pada 2/11/89 YKT telah menampar YM dengan tangan di bahagian muka dan memukul badan dengan

¹⁶ Kes Taklik No. 62/99.

¹⁷ Kes Taklik No. 97/89.

rotan mengakibatkan lebam dan kesakitan. YM kemudiannya mendapatkan rawatan perubatan pada 3/11/89.

YKT semasa sesi soaljawab telah mengaku menampar YM sebagaimana yang didakwa. Dalam keputusannya mahkamah menerima tuntutan YM dan mensabitkan YKT telah menampar dan memukul YM. Mahkamah juga mensabitkan jatuh satu talak khulu' setelah isteri memberikan kepada Hakim RM 1 dan kemudiannya sijil cerai dikeluarkan.

Paling banyak ialah kes yang ditarik balik oleh YM (isteri) sendiri iaitu 33 kes. Kes yang dibuang oleh mahkamah pula sebanyak 20 manakala 15 kes bertukar tuntutan. Manakala, 2 kes dipindahkan ke mahkamah jajahan lain dan 1 kes digantung.

Terdapat beberapa alasan bagi kes-kes di mana YM menarik balik tuntutannya. Pertama dan paling banyak alasan dikemukakan ialah telah berbaik semula dengan suami dan kerana menimbangkan kepentingan anak-anak. Contohnya dalam kes *Wan Zarina binti Yusof lwn. Mohd. Fahdzi bin Mat Yusoff*¹⁸. Kes ini telah didaftarkan pada 21/04/1996.

Dalam penyata tuntutannya YM memohon pengesahan cerai taklik kerana suaminya telah menyakiti tubuh badannya. YM dan YKT telah berkahwin pada

¹⁸ Kes Taklik No. 44/96.

16/03/1995. YM mendakwa sepanjang hidup sebagai suami isteri YKT kerap memukulnya tanpa apa-apa kesalahan dari segi hukum syarak.

Kali terakhir kejadian aniaya berlaku pada November 1995 di mana YKT telah humban YM ke atas katil, mencekik leher, memukul dilengan dan seluruh badan. Pada masa itu YM sedang mengandung. Kemudian YM pulang kerumah ibunya untuk melahirkan anak dan selepas itu YM tidak pulang-pulang ke rumah YKT.

Pada 5/8/1996 YKT membuat pernyataan pembelaan menafikan pernah memukul YM. Malah mendakwa YM telah pergi ke rumah neneknya tanpa izin dan enggan balik bila diminta. YM juga tidak memberi peluang kepada YKT melihat anak yang baru lahir. Dalam tuntutan balas, YKT memberitahu bersedia menceraikan YM jika YM membayar sebanyak RM 2000.

Kes ini kemudiannya ditangguhkan dan akan disambung perbicaraannya pada 8/8/96, tetapi pada hari berkenaan YM dan YKT tidak hadir. Mahkamah menangguhkan pula kes ini ke 20/11/96. Tetapi pada 12/8/96, kedua-dua YM dan YKT datang ke mahkamah untuk membatalkan kes ini kerana alasan telah berbaik semula.

Dalam kes *Suaini binti Alias lwn Zulkifli bin Abdul Hamid*¹⁹ pula, YM telah menarik balik kes ini kerana suami telah berjanji untuk menyelesaikan masalah mereka dengan cara baik demi kepentingan anak-anak.

Sebab lain kes ditarik balik ialah kerana kematian YKT seperti yang berlaku dalam kes *Azizah binti Omar lwn. Ahmad bin Husin*²⁰. Kes ini didaftarkan pada 8/5/1995, tetapi telah ditarik balik oleh YM kerana YKT telah meninggal dunia pada 12/1/96.

Bagi kes-kes yang dibuang oleh mahkamah, ia biasanya berlaku kerana YM tidak hadir ke mahkamah pada hari perbicaraan ditetapkan. Sebagaimana dalam kes *Tuan Asmurni binti Mat lwn Mohd. Sufian Yaakub*²¹. YM pernah memfaillkan tuntutan cerai taklik memudaratkan tubuh badan pada tahun 1994 (No.150/94) tetapi menariknya balik setelah dipujuk oleh YKT dan berjanji tidak akan mengulangi lagi perbuatannya itu.

Tetapi pada 9/6/95 YKT telah memukul YM dengan kerusi mengakibatkan YM cedera di kepala, belakang dan lengan sebelah kanan dan mendapat rawatan kecemasan di Hospital Kota Bharu. Namun, setelah dua kali tarikh perbicaraan ditetapkan YM tidak hadir, pada 5/2/96 mahkamah memutuskan kes ini dibuang.

¹⁹ Kes Taklik No. 134/94.

²⁰ Kes Taklik No. 66/95.

²¹ Kes Taklik No. 79/95.

Berlainan pula dengan kes *Nik Jamilah binti Nik Mat lwn Kamaruddin bin Abdullah*²². Pasangan ini berkahwin pada 3/7/1981 dan mempunyai 6 orang anak. YKT sering bersikap panas baran dan selalu memukul YM. Paling akhir YKT menyepak YM hingga menyebabkan YM mendapat rawatan. YM tidak pulang kepada YKT kerana takut. Walau bagaimanapun, setelah diteliti, mahkamah mendapati tidak ada lafaz taklik dibuat semasa perkahwinan kerana borang taklik didapati kosong, tidak diisi. Maka mahkamah tidak menjalankan tuntutan taklik yang dibuat. Kes ini juga dibuang kerana tidak memenuhi syarat tuntutan cerai taklik.

Manakala bagi kes-kes yang bertukar tuntutan berlaku kerana YM sendiri memohon menukar tuntutan dari tuntutan taklik memudaratkan tubuh badan kepada taklik tinggal seperti dalam kes *Che Bidah binti Che Pa lwn Mat Hasan Jusoh*²³. Kes yang didaftarkan pada 6/2/1995 ini dibatalkan kerana pada 4/7/1995 YM telah menukar tuntutannya kepada taklik tinggal (Kes Mal No.87/95).

Terdapat juga kes tuntutan cerai taklik memudaratkan tubuh badan ditukar kepada pembatalan rujuk sebagaimana yang berlaku dalam kes *Mek binti Yusoff lwn Mohamed Nor bin Mohamad*²⁴. Mereka telah berkahwin pada tahun 1971. Pada 1/12/95 kes ini didaftarkan dengan mengemukakan tuntutan cerai taklik memudaratkan tubuh badan.

²² Kes Taklik No. 50/96.

²³ Kes Taklik No. 22/95.

²⁴ Kes Taklik No. 128/95

Tetapi setelah diselidiki oleh mahkamah, didapati YM dan YKT telah bercerai 1 talak di luar mahkamah pada 4/5/95 dan rujuk semula pada 14/8/95. Mereka telah mendaftar rujuk dengan Imam mukim tempat mereka tinggal. YM telah membuat pengakuan kepada mahkamah menipu keadaan dirinya semasa bercerai kepada Imam mengatakan beliau sedang haid sedangkan sebenarnya beliau dalam keadaan suci. Di sini mahkamah mendapati perbuatan rujuk semula selepas tamat tempoh iddah adalah tidak sah dan perceraian kali pertama itu sah. Oleh itu mahkamah membatalkan keterangan rujuk no. 15995.

Kes yang dipindahkan ke jajahan lain ialah sama ada atas permohonan YM sendiri atau atas arahan mahkamah. Misalnya kes *Zawiyah binti Abdullah Iwn. Abdullah bin Awang Hamat*²⁵ telah diberikan kebenaran berpindah oleh mahkamah selepas YM membuat permohonan memindahkan perbicaraan kesnya ke Pasir Putih dengan alasan beliau tinggal di sana. Manakala dalam kes *Rohimah binti Hassan Iwn Otsman Ali bin Abdul Rahman*²⁶, mahkamah mengarahkan kes ini dibawa ke Mahkamah Kadhi Bachok kerana kejadian pukul dan aniaya berlaku di Berek J.K.R. Bachok walaupun pada masa tuntutan dibuat YM tinggal di Kota Bharu.

Satu kes digantung tanpa diberikan tarikh baru ialah kes *Salwani binti Abdullah Iwn Wan Razali bin Ibrahim*²⁷. Mereka berkahwin pada 22/6/78. YM dan YKT tidak hadir ke mahkamah semasa hari perbicaraan yang ditetapkan pada

²⁵ Kes Taklik No. 119/88.

²⁶ Kes Taklik No. 71/96.

²⁷ Kes Taklik No. 48/89.

29/8/89. Hakim memutuskan untuk menggantung kes ini dan boleh dibuka semula jika ada permohonan.

vii. Tuntutan menggunakan lebih dari satu undang-undang

Di Kelantan setakat ini belum ada kes di mana seorang wanita membuat tuntutan di bawah dua undang-undang iaitu undang-undang keluarga Islam dan Akta Keganasan Rumahtangga. Terdapat beberapa sebab²⁸, antaranya:

1. Status individu juga mempengaruhi cara mereka bertindak. Di Kelantan, sebahagian besar wanita adalah tergolong dari kelas rendah yang tidak mahu terlibat dengan banyak “masalah”.
2. latarbelakang sosial masyarakat di Kelantan di mana keluarga lekas campur tangan dan mendesak wanita supaya menuntut cerai contohnya dengan menuntut cerai taklik. Tidak perlu lagi kepada undang-undang lain kerana matlamat mereka sudah tercapai.
3. mereka yang terlibat ingin menyembunyikan perkara yang dianggap masalah rumahtangga mereka dan tidak ingin dihebohkan dan dibesar-besarkan serta tidak mahu kerap berulang alik ke mahkamah.

²⁸ Temubual dengan En. Abu Bakar bin Abdullah Cutty, Ketua Pendakwa Syarie, pada jam 9.00 pagi 31 Mei 2001.

Kesimpulan

Semua undang-undang yang digubal adalah bertujuan melindungi dan mendapatkan keadilan bagi golongan teraniaya. Untuk itu, isteri-isteri teraniaya turut dilindungi dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 di bawah beberapa peruntukan iaitu sek.35, sek. 37, sek.38 dan sek. 108.

Walaupun beberapa peruntukan boleh digunakan bagi kes-kes penganiayaan isteri, lazimnya masyarakat di negeri Kelantan khasnya Kota Bharu lebih cenderung untuk mengemukakan tuntutan mereka di bawah sek.37 iaitu cerai taklik. Kecenderungan ini adalah kerana matlamat yang mereka inginkan ialah perpisahan dan didapati pensabitan lebih mudah dilakukan memandangkan lafaz taklik disebut semasa akad perkahwinan.

Tuntutan taklik di mahkamah hanyalah untuk pengesahan sama ada ia telah berlaku atau sebaliknya. Jika mahkamah memutuskan telah berlaku perkara yang ditaklikkan semasa perkahwinan, maka sabitlah kedua suami isteri itu telah tercerai.